

**From:** Mohd Amerul Shafiz Bin Hasbullah <amerul@uum.edu.my>  
**Sent:** Wednesday, 13 May, 2020 12:58 PM  
**To:** norazlinaabdjil@gmail.com  
**Subject:** FW: Warga Bukit Kachi Pastikan Bekalan Darah Mencukupi

**From:** UUM CORPORATE COMM.  
**Sent:** 28 April 2020 12:08  
**To:** UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>; UUM - All Students <studentnet@uum.edu.my>  
**Subject:** Warga Bukit Kachi Pastikan Bekalan Darah Mencukupi



UUM Corporate Comm.  
Universiti Utara Malaysia

28 APRIL 2020 / 5 RAMADAN 1441H  
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Akmal Ahlami Md. Rozai  
Gambar oleh: Media HEP

**WARGA BUKIT KACHI PASTIKAN BEKALAN DARAH MENCUKUPI**



**UUM ONLINE:** Walaupun bekalan darah di negara ini masih mencukupi, namun ia masih memerlukan penderma untuk tampil secara berterusan bagi memastikan bekalan darah berada di paras optimum sepanjang masa.

Sehubungan itu, Inapan Siswa (INASIS) Bank Rakyat dan SME Bank telah mengambil inisiatif menganjurkan program derma darah 'Save A Life, Give Your Blood' dengan kerjasama Hospital Tuanku Fauziah (HTF), Kangar di Bukit Kachi, baru-baru ini.

Dekan Hal Ehwal Pelajar, Dr. Massudi Mahmuddin berkata, beliau bangga kerana program selama 6 jam itu berjaya menarik seramai 43 penderma terdiri daripada staf dan pelajar.

Menurutnya, program seperti itu akan diteruskan lagi pada masa hadapan walaupun tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilanjutkan demi memastikan bekalan darah di hospital-hospital awam berada dalam keadaan baik.

"Kita juga mengambil beberapa langkah tambahan bagi mencegah penularan Covid-19 untuk memastikan keselamatan penderma ketika menderma darah, antaranya ialah menghadkan jumlah penderma pada satu-satu masa, mewajibkan penderma untuk memakai topeng muka sepanjang sesi menderma dan mengamalkan penjarakan sosial.

"Selain itu, kita juga menekankan amalan kebersihan diri terutamanya mencuci tangan dengan sabun serta menyediakan kaunter saringan awal iaitu pemeriksaan suhu dan pertanyaan berkenaan sejarah perjalanan kepada bakal penderma," katanya.

Sementara itu, wakil HTF, Dr. Nurul Nazihah berkata, perkhidmatan menderma darah masih boleh beroperasi sepanjang tempoh PKP kerana aktiviti ini merupakan antara perkhidmatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi perawatan pesakit.

Menurutnya, aktiviti menderma darah seluruh negara turut terjejas berikutan Covid-19 dan penguatkuasaan PKP.

Katanya, pada masa ini, pihak hospital awam di seluruh negara sedang giat menjalankan pelbagai usaha termasuk meningkatkan promosi melalui media sosial dan menjalankan kerjasama dengan Institusi Pendidikan Tinggi.

"Bagaimanapun, penganjuran kempen derma darah kebanyakannya dibatalkan dan kebimbangan masyarakat terhadap jangkitan Covid-19 juga menyebabkan penurunan bilangan penderma darah yang hadir.

"Saya berterima kasih kepada UUM termasuk pelajar dan staf yang sudi menderma darah mereka bagi mambantu mengisi bekalan darah hospital.

"Darah yang mencukupi sepanjang masa adalah sangat penting bagi merawat pesakit seperti mangsa kemalangan, ibu mengandung yang mengalami komplikasi pendarahan, bayi pramatang, pesakit kanser dan talasemia serta pesakit yang menjalani pembedahan besar," katanya.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.